

**HUBUNGAN PELAKSANAAN KOMPOSISI PEMBELAJARAN YANG
MENGINTERGRASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DENGAN
PENCAPAIAN PELAJAR DI DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**
*Relation of Implementation of Learning Composites Improving High Order Thinking Skills
(HOTS) With a Student Achievement in Islamic Education Lessons*

Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim
syaubari@gmail.com & yunus@fsk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara pelaksanaan komposisi pembelajaran yang mengintergrasikan KBAT dengan tahap pencapaian pelajar menerusi mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah. Kajian ini meneliti profil dari aspek komposisi pembelajaran pelajar dan hubungan dengan pencapaian semasa pelajar. Instrumen yang digunakan adalah adaptasi soal selidik KBAT yang digunakan oleh (Rabiatul Adawiyah, 2008) yang telah mengadaptasikan instrumen Anderson yang diubahsuaikan daripada taksonomi Bloom iaitu *Learning and Study Strategies High Order Thinking*, Instrumen penilaian amalan pengajaran tilawah al-Quran oleh (Mohd Aderi, 2010) dan Instrumen pemantauan pembelajaran Jemaah Nazir (JNJK, 2011) bagi mengukur pelaksanaan komposisi pembelajaran pelajar dengan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* (α) 0.902. Sampel yang terlibat adalah pelajar tahun lima yang di ambil secara rawak berstrata dan berkelompok dari sekolah-sekolah kebangsaan di sekitar negeri Perak. Data dianalisis menggunakan kiraan frekuensi, peratusan, min, sisihan lazim, dan kolerasi *Pearson*. Hasil kajian mendapati tahap hubungan di anantara komposisi pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah sederhana tinggi bagi enam konstruk iaitu perancangan (min = 3.43, SP = 0.54, $r = 0.457$), penetapan objektif (min = 3.31, SP = 0.49, $r = 0.455$), pelaksanaan set induksi (min = 3.42, SP = 0.49, $r = 0.324$), penggunaan sumber pendidikan (min = 3.35, SP = 0.48, $r = 0.673$), pelaksanaan penyoalan (min = 3.32, SP = 0.57, $r = 0.535$) menilai kefahaman pelajar (min = 3.07, SP = 0.59, $r = 0.4781$), manakala melaksanakan refleksi (min = 3.15, SP = 0.55, $r =$

Diserahkan: 16 Julai 2017

Diterima: 26 Disember 2017

0.0931), merumuskan isi pengajaran (min = 3.34, SP = 0.60, $r = 0.183$) mencatatkan dapatan hubungan yang rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan komposisi pembelajaran dari segi keseluruhan dengan hubungan pencapaian pelajar adalah sederhana ($r = 0.031$, $p = 0.579$, $r = 0.0852$). Oleh itu, pelaksanaan komposisi pembelajaran adalah mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar, namun terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Kata kunci: Komposisi pembelajaran, KBAT, pelajar.

ABSTRACT

This study aims to see the relationship between the implementation of learning composition that integrates High Order Thinking Skills (HOTS) with the achievement of students through Islamic education subjects in primary schools. This study examines the profile of the aspect of student learning composition and the relationship with the current student achievement. The instrument used is the adaptation of the HOTS questionnaire used by (Rabiatul Adawiyah, 2008) which has adapted the modified Anderson instrument from Bloom's taxonomy, 'Learning and Study Strategies High Order Thinking, tilawah al-Quran teaching practice assessment instrument by (Mohd Aderi, 2010) And teaching monitoring instructional materials (JNJK, 2011) to measure the implementation of student learning composition with the reliability value of Cronbach Alpha (α) 0.902. Samples involved were five year students who were taken randomly stratified and grouped from national schools around the state of Perak. The data were analyzed using frequency, percentage, mean, standard deviation, and Pearson correlation. The results showed that the level of correlation between the composition of learning and the achievement of the students was moderate high for six constructs ie planning (min = 3.43, SP = 0.54, $r = 0.457$), objective setting (min = 3.31, SP = 0.49, $r = 0.455$) The use of educational resources (mean = 3.35, SP = 0.48, $r = 0.673$), implementation of questionnaire (min = 3.32, SP = 0.57, $r = 0.535$) (Min = 3.07, SP = 0.59, $r = 0.4781$), while performing reflection (mean = 3.15, SP = 0.55, $r = 0.0931$) summarize the teaching content (mean = 3.34, SP = 0.60, $r =$ Low relationship. The findings also showed that the composition of learning in terms of overall and student achievement was moderate ($r = 0.031$, $p = 0.579$, $r = 0.0852$). Therefore, the implementation of

learning composition is related to student achievement, but there are other factors contributing to student achievement in Islamic education subjects.

Keywords: *Learning composition, HOTS, student.*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan bersumberkan pertembungan dengan suasana persekitaran yang menentukan bagaimana arah perubahan dapat dilaksanakan. Maka berdasarkan gerakan tranformasi pembelajaran berteraskan abad ke 21, setiap perubahan yang dibentuk perlu bersesuaian dengan perkembangan yang berlaku terhadap persekitaran kerana apa sahaja perubahan yang berlaku akan memberikan kesan terhadap keseluruhan komponen pendidikan termasuk di dalam aspek pedagogi pendidikan Islam. Untuk itu, pendidikan Islam adalah nadi penting kepada pembangunan sesebuah negara khususnya dari aspek pembentukan modal insan yang berkualiti.

Penetapan strategi pembelajaran yang berfokuskan kepada komposisi di dalam PdP adalah menerusi penelitian terhadap perbezaan keupayaan individu dan bagaimana perbezaan ini dapat diterjemahkan di dalam kerangka kefahaman yang sama. Penghasilan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar berbeza antara satu sama lain dan ini telah terbentuk sejak proses kelahiran terjadi. Seterusnya, proses perkembangan ini berlaku berdasarkan peningkatan usia, iaitu selari dengan pembentukan elemen kognitif, afektif dan psikomotor untuk diterjemahkan di dalam proses pembelajaran.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Untuk itu, menerusi kajian ini menggunakan model PdP yang dikemukakan oleh (Le Francois, 1997) dan (al-Qabisi, 1955) yang merupakan panduan yang tepat berasaskan kerangka utamanya yang meletakkan jalinan isi kandungan yang pelajari di dalam setiap fasa proses pengajaran dan pembelajaran (Ab Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman, 2010). Selain itu, model ini menyatakan interaksi dengan persekitaran mempengaruhi dan mempraktikkan setiap amalan di dalam konteks keterikatan hubungan pembelajaran dengan pencapaian dan kefahaman pelajar (Asmawati Suhid, & Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2012).

Model PdP al-Qabisi dan Le Francois ini juga telah digunakan dalam kajian pedagogi ini terutama yang memerlukan pengaplikasian elemen pelaksanaan komposisi pembelajaran

(Amabile, Hennessey, B. A, & T. M, 2010). Model (Le Francois, 1997) ini menjelaskan bagaimana proses pembelajaran berdasarkan cara perubahan daripada sesuatu fasa kepada sesuatu fasa dengan dimulai pada awal sehingga akhir PdP. Dengan kata lain Model Le Francois ini merupakan gaya pembelajaran yang banyak memerlukan kemahiran untuk menguasai sesuatu fasa di dalam mata pelajaran. Le Francois juga membahagikan kepada tiga fasa pembelajaran iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Bagi model al-Qabisi yang membicarakan berkaitan persoalan PdP ini menyatakan bahawa di dalam proses pembelajaran perlu melalui beberapa komponen yang melibatkan konstruk PdP, kesediaan pelajar, persiapan guru, sahsiah pelajar dan keterlibatan pelajar. Untuk itu menerusi kajian, konstruk yang dibentuk secara tidak tersusun ini, di struktur berdasarkan tiga elemen utama bersandarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan. Konstruk terbabit adalah permulaan, perkembangan dan penutup (al-Qabisi, 1955; al-Ahwani, 1995).

Bagi pembelajaran berteraskan KBAT menurut (Bloom & Anderson, 1992; Zuraidah, 2013), akan terlaksana sekiranya seseorang pelajar itu mempamerkan sesuatu yang dalam bentuk idea yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran dan kemahiran. Menerusi proses pembelajaran secara KBAT ini terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk mengaplikasikan pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk melaksanakan pengkategorian, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan perincian huraian.

Kamarul Azmi Jasmi et al., (2012) turut menyatakan pembelajaran yang tidak menerapkan elemen KBAT tidak mempunyai hubungan dengan penambahan pengetahuan, mengingat semula apa yang telah dipelajari. Sebaliknya pembelajaran yang berorientasikan KBAT akan terhasil sekiranya prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar dan seterusnya membentuk kefahaman. Pembelajaran juga perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang melihat, mengalami, memahami dan menghayati sesuatu di dunia realiti. Apabila seseorang dapat melakukan perkara ini dengan sebaik mungkin, barulah boleh dikatakan bahawa pembelajaran telah menjana penghasilan (Azhar Ahmad, 2006; Sukiman, 2013).

Untuk itu, peranan sekolah sebagai suatu institusi yang berperanan penting di dalam membentuk generasi yang di ingini dalam sesebuah negara berteraskan kefahaman mendalam dan penghayatan yang terperinci berkaitan konsep KBAT (Brookhart, S, 2010; Wan Mat & Norkhairiah, 2011). Ini dapat diterjemahkan menerusi pengadaptasian PdP berteraskan pembelajaran abad ke 21 seperti pembelajaran kontekstual, konstruktivis, kolaboratif, menterjemahkan perlakuan, pembelajaran secara sendiri, perbincangan secara berkumpulan dan sebagainya. Perhubungan yang jelas di antara peranan pihak sekolah adalah dengan mengadakan kursus-kursus motivasi seperti seminar kefahaman pengaplikasian KBAT, bengkel-bengkel kecemerlangan, jalinan kolaboratif dengan komuniti luar, perkhidmatan penerapan kemahiran berfikir, ceramah-ceramah dan sebagainya. Sekolah juga perlu mengadakan kelas-kelas pengayaan dan kecemerlangan untuk pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian baik dan kelas pemulihan untuk pelajar yang keciciran (Khalid T, 2010; KPM, 2014).

Bersandarkan dapatan daripada (JNJK, 2011) menerusi pencerapan kebangsaan mengenai pelaksanaan KBAT menunjukkan pelaksanaan pengajaran guru di tahap sederhana. Ini menerusi dapatan keseluruhan iaitu 48 % guru melaksanakan kriteria pedagogi yang telah ditetapkan, 51.3% menilai menggunakan instrumen KBAT yang dibekalkan oleh KPM dan 44.2% memahami dengan jelas kurikulum yang dibentuk berorientasikan KBAT.

Namun begitu, adakah pelaksanaan pengajaran KBAT oleh guru yang sederhana mempengaruhi proses pembelajaran pelajar sehingga mencatatkan tahap kelulusan yang mendatar dan rendah. Lantaran daripada itu, keperluan untuk pengkajian ini dilaksanakan ke atas komposisi pembelajaran pelajar adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan dan kesesuaian KBAT diterapkan di dalam pedagogi khususnya pendidikan Islam. Susulan daripada itu, kajian ini menentengahkan bagaimana perhubungan di antara komposisi pembelajaran KBAT dengan tahap pencapaian pelajar yang berorientasikan KBAT bersandarkan konstruk-onstruk yang telah ditetapkan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti komposisi pembelajaran di kalangan pelajar di dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan menghubungkaitkan dengan pencapaian pelajar. Perincian bagi objektif secara khusus adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengenalpasti komposisi pembelajaran oleh pelajar yang mengintegrasikan KBAT.
- (ii) Untuk mengenalpasti perhubungan di antara komposisi pembelajaran yang mengintegrasikan KBAT dengan pencapaian akademik pelajar.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009; J. Pallant, 2010) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan komponen utama iaitu perancangan, penetapan objektif, pelaksanaan set induksi, penggunaan sumber pendidikan, pelaksanaan penyoalan, melaksanakan refleksi, merumuskan isi pengajaran dan menilai kefahaman pelajar.

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif dan inferensi yang melibatkan hubungan komposisi pembelajaran pelajar dengan pencapaian. Kajian ini menetapkan instrumen yang dihasilkan berdasarkan pengadaptasian soal selidik dan telah disahkan oleh pakar yang telah ditentukan.

4.2 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam bagi peringkat sekolah rendah di Perak yang berjumlah 400 orang pelajar dengan pembahagian taburan kajian menggunakan 3 zon utama di

Perak melibatkan Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan. Jumlah keseluruhan pelajar Islam tahun lima di Perak adalah 35,502 orang berdasarkan maklumat daripada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Perak. Namun berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005; Cohen, 2007) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 382 orang, namun dalam kajian ini menggunakan 400 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Pelajar-pelajar yang terpilih ini telah dicadangkan oleh guru pendidikan Islam yang meliputi penetapan aspek lokasi, jantina dan pencapaian semasa.

4.3 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini di jalankan di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di Perak berdasarkan persampelan secara berkelompok dan berstrata Pemilihan sampel dibuat berdasarkan pelajar ini telah mengikuti sukatan kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) yang berdasarkan elemen KBAT. Bagi batasan kajian ini, ditetapkan hanya pelajar yang bersekolah di sekolah kebangsaan sahaja, bagi sekolah yang bukan berstatus bantuan kerajaan adalah dikecualikan. Penyelidikan ini membahagikan instrumen soal selidik kepada tiga bahagian.

4.3.1 Bahagian A

Profil maklumat peribadi pelajar yang meliputi lokasi, jantina dan pencapaian semasa.

4.3.2 Bahagian B

Empat puluh empat item yang telah diterjemahkan dan diubahsuaikan dari soal selidik gaya komposisi pembelajaran (Misnan, 2008; Paharuddin, 2014), Instrumen Pemantauan PdP (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2016) dan Instrumen Penghayatan Akidah (Norsaleha, 2015).

4.3.3 Bahagian C

15 soalan yang bertujuan untuk menilai tahap kefahaman KBAT pelajar. Ujian ini di adaptasikan daripada soalan-soalan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

4.4 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dimulakan. Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik, Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar tahun lima di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Manjung. Nilai kebolehpercayaan yang telah diperolehi ialah 0.9060. Menurut (Mohd Najib, 1998; Creswell, 2009), sekiranya mendapat nilai koefisien yang tinggi iaitu 0.8 ke atas, kebolehpercayaan adalah tinggi. Oleh yang demikian, soal selidik yang dibuat mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Perancangan	0.7727
Penetapan objektif	0.8905
Pelaksanaan set induksi	0.8020
Penggunaan sumber pendidikan	0.7672
Pelaksanaan kaedah penyoalan	0.8431
Refleksi objektif	0.8542
Merumuskan isi pengajaran	0.7965
Menilai kefahaman pelajar	0.7367

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min.

5.0 PENGANALISAAN DATA

Penganalisaan data adalah bahagian yang penting di dalam sesuatu kajian yang dibuat. Justeru itu, data-data yang diperolehi dianalisis dan diproses menggunakan komputer dengan perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS) 20.0*. Program SPSS ini digunakan kerana ia lebih mudah serta dapat menjimatkan masa (Pallant, 2010). Pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data adalah pendekatan statistik deskriptif dan inferensi. Secara deskriptif, data yang diperolehi akan dibentangkan dalam jadual yang menunjukkan bentuk taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik akan menggunakan pendekatan inferensi seperti korelasi pearson. Pendekatan inferensi digunakan untuk merumus dan mentafsir data dengan lebih terperinci.

5.1 Analisis Deskriptif

Data telah diringkaskan dan dianalisis berdasarkan jadual 2 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, lokasi dan pencapaian semasa berdasarkan komposisi pembelajaran di dalam mengintergrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pendidikan Islam.

Jadual 2: Analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, lokasi dan pencapaian semasa

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
Jantina		
1) Lelaki	183	37.75
2) Perempuan	249	62.25
Lokasi		
1) Bandar	113	28.25
2) Luar Bandar	188	47.00
Pencapaian semasa		
1) Cemerlang	68	17.0
2) Sederhana	211	52.75
3) Lemah	83	20.75

5.2 Hubungan Di antara Komposisi Pembelajaran dengan Pencapaian Pelajar

Hubungan di antara komposisi pembelajaran dengan pencapaian pelajar dianalisis berdasarkan beberapa teori komposisi pembelajaran iaitu teori Le Francois dan Al-Qabisi. Daripada analisis ke atas komposisi pembelajaran ini dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati bahawa enam pemboleh ubah menunjukkan indeks korelasi yang positif manakala dua pemboleh ubah menunjukkan indeks korelasi yang negatif.

Keseluruhan hubungan di antara komposisi pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah signifikan iaitu pada tahap sederhana. Di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai korelasi r yang diperolehi dari lapan komponen komposisi pembelajaran adalah di antara 0.3 hingga 0.4. Manakala, nilai signifikan p adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu di antara 0.155 hingga 0.683. Situasi itu menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana di antara komposisi pembelajaran dengan pencapaian pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan dapat disimpulkan bahawa komposisi pembelajaran pelajar tidak mempengaruhi sepenuhnya pencapaian pelajar, mungkin ada faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian pelajar ini.

5.3 Hubungan Di Antara Komponen Perancangan Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar

Faktor hubungan di antara komponen perancangan ini dianalisis berdasarkan aktiviti bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Rumusan hubungan di antara komponen perancangan dengan pencapaian mendapati bahawa wujudnya hubungan yang sederhana dengan pencapaian pelajar berdasarkan catatan nilai signifikannya adalah ($r = 0.457$). Ini membuktikan bahawa faktor perancangan memainkan peranan penting menerusi penghasilan kerangka konsep pelaksanaan, panduan aktiviti, kemahiran melaksanakan aktiviti berorientasikan KBAT dan keupayaan pelajar untuk menentukan wujud kefahaman kepada pelajar. Namun perlu ada peningkatan untuk membentuk perancangan bagi memastikan keberhasilan di dalam pencapaian pelajar.

5.4 Hubungan Di Antara Komponen Penetapan Objektif Dengan Pencapaian Pelajar.

Faktor hubungan di antara komponen penetapan objektif dengan pencapaian pelajar adalah di antara faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar (Winkel, W.S., 1998). Hasil dapatan kajian penyelidik ke atas konstruk penetapan objektif pengajaran didapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan yang sederhana dengan faktor pencapaian pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p \Rightarrow 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.455 dan ini menunjukkan hubungan yang sederhana.

5.5 Hubungan Di Antara Pelaksanaan Set Induksi Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada analisis secara keseluruhan ke atas pelaksanaan set induksi dan hubungannya dengan pencapaian pelajar mendapati wujudnya hubungan yang signifikan yang sederhana. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, ia jelas menunjukkan bahawa set induksi memainkan peranan penting di dalam penghasilan pencapaian dalam kalangan pelajar. Dapatan korelasi yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dengan faktor pencapaian pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p \Rightarrow 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.324 dan ini menunjukkan hubungan yang sederhana. Untuk itu, faktor-faktor lain juga mungkin mempengaruhi pencapaian pelajar seperti kesediaan guru, bahan rujukan, latar belakang, kecerdasan dan budaya sekolah.

5.6 Hubungan Di Antara Penggunaan Sumber Pendidikan Dengan Pencapaian Pelajar

Hubungan di antara penggunaan sumber pendidikan dengan pencapaian pelajar dianalisis dan menunjukkan hubungannya indeks korelasi yang positif dan signifikan. Di mana hubungan di antara penggunaan sumber pendidikan dengan pencapaian pelajar adalah bersifat linear iaitu selagi banyak bahan sumber pendidikan digunakan, semakin tinggi pencapaian pelajar. Dapatan korelasi yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan. dengan faktor pencapaian pada aras signifikan $p=0.01$ pada nilai $p \Rightarrow 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.673 dan ini menunjukkan hubungan yang tinggi. Untuk itu, dapatan ini membuktikan

keperluan kepada guru untuk menyediakan lebih banyak bahan bantu mengajar di dalam mempertingkatkan prestasi akademik pelajar.

5.7 Hubungan Di Antara Pelaksanaan Kaedah Penyilaian Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada analisis ke atas pelaksanaan kaedah penyilaian dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati bahawa kesemuanya menunjukkan indeks korelasi yang positif. Di mana hubungan di antara pelaksanaan kaedah penyilaian dengan pencapaian pelajar adalah bersifat linear. Dengan aras keertian 0.01 yang dipilih dan nilai korelasi r yang diperolehi dengan nilai signifikan p adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu 0.535. Situasi itu menunjukkan penyilaian memainkan peranan yang penting di dalam memastikan terdapat peningkatan prestasi pelajar khususnya mata pelajaran pendidikan Islam.

5.8 Hubungan Di Antara Refleksi Objektif Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada analisis ke atas refleksi objektif dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Di mana hubungan di antara pelaksanaan refleksi objektif dengan pencapaian pelajar adalah bersifat songsang. Ini ditentukan menerusi nilai signifikan yang tercatat pada jadual ialah 0.0931 pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p > 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.155 dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Situasi ini menunjukkan tiada pelaksanaan refleksi dilaksanakan di dalam PdP pendidikan Islam.

5.9 Hubungan Di Antara Merumuskan Isi Pengajaran Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada analisis di atas merumuskan isi pengajaran dan hubungannya dengan pencapaian pelajar di dapati menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Di mana hubungan di antara perumusan isi pengajaran dengan pencapaian pelajar adalah bersifat songsang. Ini ditentukan menerusi nilai signifikan yang tercatat pada jadual ialah 0.0852 pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p > 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.183 dan ini

menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Situasi ini menunjukkan tiada merumuskan isi pengajaran dilaksanakan di dalam Pdp pendidikan Islam.

5.10 Hubungan Di Antara Ujian Penilaian Kefahaman Pelajar Dengan Pencapaian Pelajar

Daripada analisis ke atas ujian penilaian kefahaman pelajar dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati menunjukkan indeks korelasi yang positif. Di mana hubungan di antara ujian penilaian kefahaman dengan pencapaian pelajar adalah bersifat linear. Ini ditentukan menerusi nilai signifikan yang tercatat pada jadual ialah 0.4781 pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p > 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.683 dan ini menunjukkan hubungan yang sangat tinggi. Situasi ini menunjukkan pelaksanaan ujian sama ada ujian sumatif atau ujian formatif mempunyai hubungan kepada prestasi pencapaian pelajar.

6.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Komposisi pembelajaran yang diberi keutamaan di dalam proses pembelajaran menunjukkan daripada hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mengikuti pelaksanaan perancangan pengajaran, pelaksanaan objektif dan set induksi seperti yang ditetapkan. Namun komponen refleksi objektif dan merumuskan isi pengajaran tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Maklumat ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar sekolah kebangsaan di negeri Perak mempunyai kecenderungan untuk mengikuti pelaksanaan perancangan pengajaran, pelaksanaan set induksi dengan baik.

Komposisi pembelajaran yang seterusnya cenderung di ikuti oleh pelajar adalah pelaksanaan kaedah penyoalan. Berdasarkan kajian (Noor Hisham Md Nawawi, 2011; *Partnership for 21st Century Skills*, 2010) pelajar yang mempunyai daya kognitif yang tinggi dengan menggunakan fikirannya yang logik dan rasional di dalam membuat sesuatu keputusan. Pelajar jenis ini biasanya berminat kepada teori-teori dan menganalisis. Mereka lebih cenderung ke arah ketepatan dan kesempurnaan. Pelajar peringkat ini mempunyai sifat ingin meneroka dan melaksanakan percubaan. Maka proses peningkatan di dalam tahap keupayaan berfikir ini akan menghasilkan daya penyoalan yang lebih berfokus dan berstruktur.

Pelaksanaan komposisi pembelajaran yang kurang diamalkan oleh pelajar adalah merumuskan isi pengajaran dan refleksi objektif. Menurut (Rosnani Hashim, 2012), pelajar yang mengamalkan komposisi di dalam amalan pembelajaran ini adalah pelajar yang fokus dan berminat mengikut PdP bersumberkan teori, model, teknik melalui pelaksanaan aplikasinya. Dapatan yang boleh dikatakan membimbangkan adalah di mana tidak ramai pelajar yang sukar mengamalkan pelaksanaan komponen merumuskan isi pengajaran. Kesukaran ini disebabkan kekurangan pembudayaan amalan kreatif, penjanaaan idea dan pendekatan penyelesaian masalah (Siti Marlina, 2013; Saavedra, A. & Opfer, V, 2012).

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan komposisi pembelajaran pelajar sekolah kebangsaan di negeri Perak lebih berfokuskan kepada pelaksanaan pada peringkat permulaan dan perkembangan pembelajaran, namun selepas itu, tahap pengendalian fokus pelajar makin menurun di dalam pengaplikasian KBAT ini. Ini mungkin disebabkan pelaksanaan pengajaran yang tidak konsisten dalam pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah. Untuk itu, menjadi keperluan untuk guru mempertingkatkan tahap pengaplikasian KBAT dengan mempelbagaikan kemahiran dan menambah pengetahuan mengenai amalan KBAT di dalam bilik darjah.

6.1 Cadangan Lanjutan

Hasil daripada rumusan serta perbincangan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan pengamalan proses komposisi pengajaran dan pembelajaran. Cadangan yang telah dikenal pasti ialah:

- i. Mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang terdapat pada setiap komposisi pembelajaran berasaskan kecenderungan pelajar. Sekiranya pelajar berfokuskan kepada penggunaan sumber pendidikan, maka menjadi keperluan untuk guru untuk memperbanyakkan sumber dan kemahiran untuk mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.

- ii. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran para guru perlu mengikuti fasa-fasa di dalam komposisi PdP agar tidak berlaku keciciran pengetahuan dalam kalangan pelajar.
- iii. Menerapkan kaedah di mana pelajar mencari penyelesaiannya sendiri dan memberi peluang kepada pelajar memberi idea atau penemuan-penemuan baru berasaskan orientasi pelaksanaan KBAT.
- iv. Pelajar perlu diberikan tugas dalam bentuk praktikal kerana kaedah ini dapat membimbing pelajar dalam mengaitkan konsep dan teori yang dipelajari dengan aplikasi sebenar.

Penyelidik juga telah menyenaraikan beberapa cadangan sebagai panduan untuk kajian masa depan. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan sampel hanya melibatkan pelajar sekolah kebangsaan, tidak melibatkan sekolah swasta, sekolah dibawah kerajaan negeri, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah mubaligh. Sekolah-sekolah ini juga mengandungi ramai pelajar beragama Islam yang mengikuti sesi PdP di sekolah-sekolah terbabit. Oleh itu, dicadangkan agar kajian seumpama ini diperluaskan kepada sekolah-sekolah terbabit dengan jumlah sampel yang lebih besar.
- ii. Sampel kajian ini telah memfokuskan kepada pelajar maka disarankan agar kajian diperluaskan dengan mengenal pasti komposisi pembelajaran para pendidik.
- iii. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar sekolah rendah. Oleh itu dicadangkan agar kajian seumpama ini dapat meliputi pelajar di peringkat sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan di maktab-maktab.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep “muallim”. *Journal Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah : Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Amabile , Hennessey, B. A, and, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology* ; 61, 569-598.
- Asmawati Suhid, dan Fathiyah Mohd Fakhruddin , (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (4). pp. 57-70. ISSN 1985-6236.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. *Tesis Ph.D.* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brookhart, S. (2010). *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD.
- Cohen, J. Lawrence Manion and Keith Marrison (2007). *Research Method in Education*. London ; Routledge, Francais and Taylor Group.
- Creswell, J. W. (2009). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4rd Edition*. Crows West: New South Wales.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). Faktor pentadbir dan pengetua dalam kecemerlangan guru cemerlang Pendidikan Islam dan guru di sekolah menengah: satu kajian kes. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1). pp. 13-20. ISSN 1985-6236.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pentaksiran)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*. 30: 608-619.
- Le francois, Guy.R. (1997). *Psychology for Teaching*. Belmont, California : Wadsworth Publishing Company.
- Mohd.Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noor Hisham Md Naw, (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Partnership for 21st Century Skills, (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.
- Rosnani Hashim. (2012). Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22(4): 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan*, 94(2), 8-13.
- Siti Marlina Binti Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah. (2013). Pengajaran kemahiran berfikir: persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah: *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Tanjung Malim; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mat Sulaiman dan Hj Norkhairiah Pg Hj Hashim, (2011). Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. *Journal of Applied Research in Education*, 15(1 & 2): 43-58.
- Zuraidah Ramdzan@Ramban, (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.